

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN

1. HASIL PREMIUM TANAH



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada proses terimaan hasil premium tanah diuruskan dengan teratur mengikut akta, undang-undang, peraturan dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.



**Jumlah
Terimaan Hasil
Premium
Tanah
RM1.26 Juta**

APA SEPATUTNYA



- Premium penalti dikenakan mengikut kadar yang sepatutnya



- Pelanggaran syarat dikenakan penalti

APA YANG BERLAKU

RM12,840

- » Premium penalti dikenakan kurang berbanding kadar yang sepatutnya

RM4,476

- » Pelanggaran syarat tidak dikenakan penalti

**KEHILANGAN WANG
AWAM
RM17,316**

RUMUSAN AUDIT



Kelemahan pengurusan hasil premium penalti dan penalti langgar syarat nyata tanah mendedahkan Kerajaan Negeri kepada risiko kehilangan hasil.

**3 SYOR
AUDIT**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN

1. HASIL PREMIUM TANAH

FAKTA UTAMA

RM1.26 Juta

Jumlah keseluruhan terimaan hasil premium tanah

RM0.88 Juta

Jumlah terimaan hasil premium tanah biasa – Borang 5A

RM366,579

Jumlah keseluruhan terimaan hasil penalti Borang 5A dan 7G

RM30,390

Jumlah terimaan hasil premium tukar syarat nyata tanah – Borang 7G

1. LATAR BELAKANG

1.1. Di bawah Akta 56 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, premium tanah merupakan satu bentuk bayaran yang dikenakan ke atas setiap kelulusan pemberimilikan tanah Kerajaan (Seksyen 76); penyerahan dan berimilik semula (Seksyen 76 dan 197); penyerahan dan berimilik semula (Seksyen 204D); dan penukaran kategori penggunaan tanah (Seksyen 124). Berdasarkan Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992, terdapat tiga jenis bayaran premium tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pahang iaitu pemberimilikan tanah Kerajaan (Seksyen 76); penyerahan dan berimilik semula (Seksyen 204D); dan penukaran kategori penggunaan tanah (Seksyen 124).

1.2. Berdasarkan Akta 56 KTN 1965, pemberimilikan tanah Kerajaan merupakan pelupusan tanah Kerajaan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada individu atau syarikat yang memohon pemilikan tanah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dari 99 tahun atau untuk selama-lamanya. Sebagai balasan pemberimilikan tanah, pemohon perlu membuat pembayaran sewa tahunan dan bayaran premium tanah. Penyerahan dan berimilik semula tanah pula merupakan permohonan oleh pemilik tanah yang ingin menyerahkan balik tanah yang dipegang atas terma bahawa bahagian tertentu tanah yang terkandung di dalamnya diberi milik semula dengan serta merta kepada pemilik dalam bahagian atau unit yang berlainan.

1.3. Penukaran kategori penggunaan tanah merupakan permohonan pemilik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk perkara seperti berikut:

- a. pengubahan atau mengenakan mana-mana kategori penggunaan tanah;
- b. pembatalan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan;
- c. memotong ungkapan “getah”, “kampung”, “padi” atau mana-mana ungkapan lain mengenai kegunaan tanah;
- d. mengenakan syarat-syarat nyata yang lain mengenai kegunaan tanah; atau
- e. meminda atau mengenakan apa-apa syarat nyata atau sekatan kepentingan.

1.4. Kadar premium tanah akan dikenakan kepada pemohon selepas kelulusan pemberimilikan tanah Kerajaan; penyerahan dan berimilik semula; dan penukaran kategori penggunaan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada pemohon. Bagi tahun 2021, jumlah keseluruhan terimaan hasil premium tanah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran adalah berjumlah RM1.26 juta manakala terimaan keseluruhan hasil penalti adalah berjumlah RM366,579. Terimaan hasil premium tanah terdiri daripada terimaan hasil premium tanah biasa berjumlah RM0.88 juta, terimaan hasil premium *alienation* berjumlah RM352,785 dan terimaan hasil premium tukar syarat nyata tanah berjumlah RM30,390.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada proses terimaan hasil premium tanah diuruskan dengan teratur mengikut akta, undang-undang, peraturan dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di Bahagian Pengurusan Tanah, PDT Maran terhadap proses permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan, penyerahan dan berimilik semula serta tukar syarat kegunaan tanah untuk tahun 2021 sehingga terimaan hasil premium tanah. Sampel Audit dipilih bagi permohonan yang telah diluluskan serta dikeluarkan Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar (Borang 5A) dan Notis Bahawa Pembayaran Kena Dibayar (Borang 7G) pada tahun 2021.

3.2. Semakan dibuat terhadap fail permohonan melibatkan 37 sampel fail permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan dan 70 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah bagi tahun 2021. Pemilihan sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah ini juga telah dipanjangkan kepada tahun 2020 di mana pihak Audit telah menambah sebanyak 80 sampel fail untuk melihat sama ada terdapat isu yang sama dengan tahun 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Akta KTN, Kaedah Tanah Pahang, peraturan kewangan, undang-undang, prosedur kerja dan memeriksa rekod serta dokumen berkaitan hasil premium tanah bagi tempoh kewangan yang telah ditetapkan. Lawatan fizikal ke atas tiga sampel permohonan pemberimilikan dan 30 sampel permohonan tukar syarat nyata tanah juga telah dijalankan bagi permohonan yang telah diluluskan serta dikeluarkan Borang 5A dan Borang 7G. Di samping itu, sesi temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat turut diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai pada 18 hingga 27 Januari 2022 dan lawatan fizikal tanah pada 7 hingga 10 Februari 2022. Maklum balas daripada PDT Maran telah diterima pada 12 Ogos, 5 September dan 25 November 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 1 September 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Hasil Penalti Terkurang/Tidak Dikutip Berjumlah RM17,316

4.1.1. Semakan Audit terhadap 37 sampel fail permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan dan 70 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah bagi tahun 2021 serta 80 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah bagi tahun 2020 mendapati perkara seperti berikut:

4.1.1.1. Premium Penalti Pemberimilikan Tanah Kerajaan Terkurang Kutip Berjumlah RM12,840

- a. Berdasarkan Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992 (pindaan tahun 2015), Seksyen 20.(1) menetapkan dalam kes pemberimilikan tanah yang telah menduduki tanah tanpa izin satu premium penalti oleh sebab kehilangan hasil tanah dan hasil hutan hendaklah dikenakan mengikut skala seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PREMIUM PENALTI PEMBERIMILIKAN
TANAH KERAJAAN YANG TELAH DIDUDUKI TANPA IZIN

BIL.	JENIS TANAH	PREMIUM PENALTI
1.	Tanah Desa - Pertanian	5 X cukai tahunan X bilangan tahun duduki tanpa izin
2.	Tanah Desa - Bangunan	2 X cukai tahunan X bilangan tahun duduki tanpa izin
3.	Tanah Desa - Industri	3 X cukai tahunan X bilangan tahun duduki tanpa izin

Sumber : Kaedah-Kaedah Tanah Pahang 1992 (Pindaan Tahun 2015)

- b. Sebanyak tiga atau 8.1% permohonan individu telah dikenakan premium penalti berjumlah RM4,080 kerana telah menduduki tanah tanpa izin. Bagaimanapun, amaun premium penalti yang dikenakan terhadap permohonan tersebut adalah kurang sebanyak RM12,840 berbanding dengan premium penalti yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM16,920. Ini kerana bilangan tahun menduduki tanah tanpa izin yang dikenakan seperti dinyatakan dalam dokumen penyediaan Borang 5A bagi pengiraan premium penalti oleh PDT Maran adalah kurang berbanding dengan laporan yang telah dikeluarkan oleh Penolong Pegawai Tanah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PREMIUM PENALTI PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN TERKURANG KUTIP

BIL.	NO. FAIL	LAPORAN PENOLONG PEGAWAI TANAH			CUKAI TANAH TAHUNAN (RM)	PREMIUM PENALTI DIKENAKAN (RM)	PREMIUM PENALTI SEPATUTNYA (RM)	PREMIUM PENALTI TERKURANG KUTIP (RM)
		TAHUN DUDUKI TANPA IZIN	BIL. TAHUN DUDUKI TANPA IZIN SEHINGGA 2021	KEADAAN TANAH				
JENIS TANAH: TANAH DESA - PERTANIAN								
1.	P.T.M:2-1-60959/17	2000	21	Kelapa sawit	48	2,640	5,040	2,400
2.	P.T.M:2-1-57888/15	1988	33	Kelapa sawit	39	780	6,435	5,655
3.	P.T.M:2-1-57889/15	1988	33	Kelapa sawit	33	660	5,445	4,785
JUMLAH						4,080	16,920	12,840

Sumber : Pejabat Daerah dan Tanah Maran

- c. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat kesilapan dalam menentukan tahun mula diteroka oleh pemohon semasa proses pengiraan premium penalti dalam penyediaan Borang 5A yang dikenakan kepada pemohon.

4.1.1.2. Penalti Langgar Syarat Nyata Tanah Tidak Dikenakan Berjumlah RM4,476

- a. Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992 (pindaan tahun 2015), Seksyen 17.(2) menetapkan apabila mana-mana tanah diberimilik yang mana telah diluluskan untuk tukar syarat tanah telah digunakan untuk maksud lain daripada yang dinyatakan di dalam hak milik, Pihak Berkuasa Negeri bolehlah mengenakan satu penalti daripada kehilangan hasil tanah tersebut dengan mengikut skala seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH

BIL	PELANGGARAN SYARAT	PENGIRAAN PENALTI
1.	Pertanian kepada pertanian	2 X cukai tahunan X bilangan tahun pelanggaran syarat
2.	Pertanian kepada kediaman	3 X cukai tahunan X bilangan tahun pelanggaran syarat
3.	Pertanian kepada perniagaan	4 X cukai tahunan X bilangan tahun pelanggaran syarat
4.	Pertanian kepada industri	5 X cukai tahunan X bilangan tahun pelanggaran syarat

Sumber : Kaedah-Kaedah Tanah Pahang 1992 (Pindaan Tahun 2015)

- b. Sebanyak satu atau 1.4% daripada 70 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah yang diluluskan pada tahun 2021 tidak dikenakan penalti langgar syarat nyata tanah berjumlah RM252 walaupun terdapat pelanggaran syarat nyata tanah seperti Akuan Permohonan Tukar Syarat Tanah. Berdasarkan akuan permohonan, pemohon mengakui tanah tersebut telah ditanam dengan tanaman jenis kelapa sawit mulai tahun 2014 walaupun syarat nyata tanah seperti yang dinyatakan dalam hak milik tanah adalah tanah untuk tanaman padi sahaja (padi/paya/sawah).
- c. Berdasarkan temu bual dengan pegawai yang berkaitan pihak Audit dimaklumkan semakan atau siasatan oleh Penolong Pegawai Tanah hanya dibuat bagi tukar syarat nyata tanah jenis tanaman padi sahaja. Sehubungan itu, semakan Audit

terhadap Laporan Pegawai Petempatan untuk tukar syarat tanah yang dikeluarkan oleh Penolong Pegawai Tanah telah melaporkan bahawa sebahagian tanah telah ditanam dengan tanaman kelapa sawit.

- d. Semakan selanjutnya terhadap 80 sampel fail permohonan yang diluluskan pada tahun 2020 mendapati dua atau 2.5% permohonan tukar syarat nyata tanah dari tanaman Getah kepada Kelapa Sawit juga tidak dikenakan penalti langgar syarat nyata tanah berjumlah RM1,080 walaupun terdapat pelanggaran syarat nyata tanah. Ia berdasarkan pengesahan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bahawa tanah tersebut telah ditanam dengan kelapa sawit sejak tahun 2017. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH TIDAK
DIKENAKAN WALAUPUN TERDAPAT PELANGGARAN SYARAT NYATA TANAH

TAHUN LULUS	NO. FAIL	LOT TANAH	TUKAR SYARAT TANAH	TAHUN MULA TANAMAN KELAPA SAWIT	PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH DIKENAKAN (RM)	PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH SEPATUTNYA (RM)	PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH TIDAK DIKENAKAN (RM)
JENIS TANAH: TANAH DESA - PERTANIAN							
2021	PTM:6/6/07/21	3548	Padi kepada kelapa sawit	2014	0	252	252
2020	PTM:6/6/6145/20	2549	getah kepada kelapa sawit	2017	0	540	540
2020	PTM:6/6/6148/20	1753	getah kepada kelapa sawit	2017	0	540	540
JUMLAH					0	1,332	1,332

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Maran

- e. Selain itu, berdasarkan semakan fizikal Audit terhadap 30 sampel permohonan tukar syarat nyata tanah yang diluluskan pada tahun 2021 bersama Penolong Pegawai Tanah PDT Maran mendapati perkara seperti berikut:
 - i. Terdapat satu permohonan oleh pemohon pada 9 September 2021 untuk menukar kategori penggunaan tanah dari tanaman getah kepada tanaman jenis kelapa sawit. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati pokok kelapa sawit telah ditanam di tanah tersebut sebelum kelulusan penukaran kategori penggunaan tanah. Berdasarkan pandangan Penolong Pegawai Tanah PDT Maran, pokok kelapa sawit tersebut dianggarkan berusia 10 tahun. Bagaimanapun, penalti langgar syarat nyata tanah tidak dikenakan oleh PDT Maran kepada pemohon dengan anggaran berjumlah RM1,740.
 - ii. Terdapat dua permohonan pada 20 dan 23 September 2021 untuk menukar kategori penggunaan tanah masing-masing dari tanaman kelapa sawit dan getah kepada tanaman jenis dusun. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati pokok durian telah ditanam di tanah-tanah tersebut sebelum kelulusan penukaran kategori penggunaan tanah. Berdasarkan pandangan Penolong Pegawai Tanah PDT Maran, pokok durian tersebut dianggarkan berusia

antara tiga hingga 18 tahun. Bagaimanapun, penalti langgar syarat nyata tanah tidak dikenakan oleh PDT Maran kepada pemohon-pemohon tersebut dengan anggaran berjumlah RM1,404.

- f. Semakan terhadap Borang Akaan Bagi Permohonan Tukar Syarat Tanah yang dikemukakan oleh pemohon bagi tiga sampel permohonan seperti perenggan 4.1.1.2. e. mendapati pemohon membuat akaan bahawa tiada tanaman lain yang ditanam di tanah tersebut selain tanaman yang dinyatakan dalam hak milik tanah. Berdasarkan pengiraan Audit, anggaran penalti langgar syarat nyata tanah yang tidak dikenakan adalah berjumlah RM3,144. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

JADUAL 5
PENALTI LANGGAR SYARAT NYATA TANAH TIDAK DIKENAKAN WALAUPUN
TERDAPAT PELANGGARAN SYARAT NYATA TANAH BERDASARKAN SEMAKAN FIZIKAL AUDIT


BIL.	NO. FAIL/ NO. LOT TANAH	TUKAR SYARAT TANAH	KEADAAN TANAH BERDASARKAN SEMAKAN FIZIKAL	CUKAI TAHUNAN (RM) (A)	ANGGARAN USIA POKOK (Tahun) * (B)	SKALA PENALTI BERDASARKAN SEKSYEN 17.(2)b. KAEDAH-KAEDAH TANAH PAHANG 1992 (Pindaan Tahun 2015) ** (C)	PENALTI LANGGAR SYARAT TANAH SEPATUTNYA BERDASARKAN PENGIRAAN AUDIT (RM) (A x B x C)
JENIS TANAH: TANAH DESA - PERTANIAN							
1.	P.T.M:6/6/41/21 / lot 1247	Getah kepada Kelapa Sawit	Kelapa Sawit	87	10	2	1,740
2.	P.T.M:6/6/53/21 / lot 33451	Kelapa Sawit kepada Dusun	Durian	12	18	2	432
3.	P.T.M:6/6/54/21 / lot 5495	Getah kepada Dusun	Durian	162	3	2	972
JUMLAH							3,144

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Maran dan Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Berdasarkan pandangan Penolong Pegawai Tanah PDT Maran

(**) - Pengiraan berdasarkan jenis dan keluasan tanah Seksyen 22.(1)(c)(4), Kaedah-kaedah Tanah Pahang (pindaan) (No.4) tahun 2019

GAMBAR 1



Pokok Kelapa Sawit di Atas Tanah
Lot 1247 Untuk Tanaman Getah Sahaja
- Pelanggaran Syarat Nyata Tanah
(07.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Pokok Durian di Atas Tanah
Lot 33451 Untuk Tanaman Kelapa Sawit Sahaja
- Pelanggaran Syarat Nyata Tanah
(08.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 3

Pokok Durian di Atas Tanah
Lot 5495 Untuk Tanaman Getah Sahaja
- Pelanggaran Syarat Nyata Tanah
(08.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- g. Perkara ini disebabkan oleh pengiraan penalti pelanggaran syarat nyata tanah adalah berdasarkan Borang Akuan Bagi Permohonan Tukar Syarat Tanah yang dikemukakan oleh pemohon sahaja tanpa membuat semakan secara fizikal di kawasan tanah terlibat kecuali bagi tanaman jenis padi. Berdasarkan proses kerja yang disediakan oleh PDT Maran tiada dinyatakan keperluan atau proses siasatan secara fizikal ke atas tanah perlu dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Tanah sebelum kelulusan diberikan.

4.1.2. Kesannya, PDT Maran berkurang/tidak mengenakan kutipan premium penalti pemberimilikan tanah Kerajaan dan penalti langgar syarat nyata tanah bagi tahun 2020 dan 2021 dengan anggaran berjumlah RM17,316.

Maklum Balas PDT Maran pada 12 Ogos, 5 September dan 25 November 2022

PDT Maran telah membuat semakan bagi penemuan Audit perenggan 4.1.1.1 dan akan mengeluarkan Surat Notis Kutipan Tuntutan Bayaran Borang 5A yang berkurang kutip kepada pemohon setelah selesai tindakan di Unit Kerja Luar bagi no. fail P.T.M:2-1-60959/17. Manakala bagi fail P.T.M:2-1-57888/15 pula telah selesai tindakan di Unit Kerja Luar dan Surat Notis Kutipan Tuntutan Bayaran Borang 5A yang berkurang kutip telah dikeluarkan kepada pemohon pada 20 November 2022. Pihak PDT Maran juga telah mengeluarkan Surat Notis Kutipan Tuntutan Bayaran Borang 5A kepada pemohon pada 1 September 2022 bagi fail P.T.M:2-1-57889/15. Bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas daripada pemilik dan pihak PDT Maran akan menghantar secara serahan tangan surat ulangan ke-2 kepada pemilik.

Bagi penemuan Audit perenggan 4.1.1.2 (b) dan (d), PDT Maran telah membuat pembetulan berkaitan draf pengiraan penalti langgar syarat nyata tanah. Surat tuntutan penalti langgar syarat nyata tanah yang sepatutnya dikenakan oleh PDT Maran telah dikeluarkan kepada pemohon pada 12 Ogos 2022. Manakala bayaran tuntutan penalti langgar syarat nyata tanah tersebut pula telah diterima oleh PDT Maran pada 8, 22 dan 24 November 2022. Bagaimanapun, pihak PDT Maran akan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang.

PDT Maran telah membuat semakan bagi penemuan Audit perenggan 4.1.1.2 (e) mendapati prosedur kerja yang ditetapkan telah dipatuhi. Penalti langgar syarat nyata tanah tidak dikenakan kerana ianya adalah berdasarkan surat akuan pemohon. PDT Maran telah menambah baik surat akuan pemohon dengan menggunakan Borang Am80 iaitu Akuan Bersumpah di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 supaya tindakan ke atas akuan palsu boleh dikenakan. Tindakan lain yang telah diambil oleh PDT Maran berkaitan dengan penemuan Audit ini adalah seperti berikut:

- membatalkan permohonan bagi fail P.T.M:6/6/41/21 untuk lot tanah 1247 kerana bayaran Borang 7G, baki hasil patut dipungut dan sewa baru belum diterima daripada pemohon. Selain itu, pembatalan permohonan ini juga disebabkan Borang 7G yang diterima oleh pemohon pada 20 Oktober 2021 telah tamat tempoh kelulusan pada 20 April 2022. Berdasarkan Surat Pemberitahuan Kelulusan Permohonan Tukar Syarat Tanah kepada pemohon telah menyatakan sekiranya jumlah bayaran yang dinyatakan tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh enam bulan dari tarikh penyampaian notis, kelulusan permohonan ini akan terbatal. Pihak PDT Maran akan memaklumkan kepada pemohon untuk membuat permohonan baru dan penalti langgar syarat nyata tanah akan dikira berdasarkan Akuan Bersumpah (Borang Am80) serta mengambil kira hasil lawatan fizikal Audit pada 7 Februari 2022; dan
- mengeluarkan Notis Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda (Borang 7E) mengikut Seksyen 127(1A) (a) KTN 1965 mengenai Pelanggaran Syarat pada 23 November 2022 bagi fail permohonan P.T.M:6/6/53/21, lot tanah 33451 dan P.T.M:6/6/54/21, lot tanah 5495. Ia bertujuan untuk menasihati pemohon supaya membuat permohonan tukar syarat nyata tanah yang sebenar dan penalti langgar syarat nyata tanah bagi kategori durian tersebut akan dikira selepas permohonan dibuat.

Pernyataan Audit

Kelemahan dalam proses kutipan hasil premium penalti dan penalti langgar syarat nyata tanah menyebabkan Kerajaan Negeri berisiko untuk kehilangan hasil dengan anggaran berjumlah RM17,316.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan aspek terimaan hasil premium tanah di PDT Maran adalah kurang teratur. Kelemahan dalam menguatkuasakan premium penalti dan penalti langgar syarat nyata tanah selaras dengan peraturan yang ditetapkan mendedahkan Kerajaan Negeri kepada risiko kehilangan hasil.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan proses terimaan hasil premium tanah dilaksanakan mengikut akta/undang-undang/peraturan kewangan yang berkuat kuasa, PDT Maran perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. memastikan Akta KTN, Kaedah Tanah Pahang, pekeliling, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi;
- 6.2. menambah baik proses kerja bagi kelulusan permohonan tukar syarat nyata tanah dengan menjalankan pemeriksaan fizikal tanah secara sampel sebelum kelulusan diberikan; dan
- 6.3 memastikan premium tanah serta penalti premium tanah dan penalti langgar syarat nyata tanah yang dikenakan kepada pemohon adalah mengikut keadaan sebenar di atas tanah pemohon, kadar dan pengiraan yang telah ditetapkan dalam Kaedah Tanah Pahang.